

## **NUTP minta tangani isu graduan gagal jadi guru**

KOTA BHARU: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyifatkan kejadian seorang graduan pendidikan Universiti Sains Malaysia (USM) gagal mendapat penempatan sebagai guru sejak 10 tahun lalu sebagai kes luar biasa yang perlu ditangani segera oleh Kementerian Pelajaran.

Setiausaha Agung NUTP, Lok Yim Pheng, berkata sebelum ini pihaknya pernah menyelesaikan beberapa kes kelewatan penempatan guru yang berlaku, namun tidak lebih dari dua tahun.

Katanya, sepanjang pengetahuannya dalam NUTP, tidak pernah berlaku permohonan penempatan guru terlewat atau gagal diproses sehingga mengambil masa 10 tahun.

"Ini, memang kes luar biasa. Saya tidak tahu nak komen apa, kerana pemohon tidak menghubungi NUTP untuk mendapatkan bantuan, boleh jadi beliau tidak mengetahui kemampuan NUTP membantu dalam hal berkaitan perkhidmatan perguruan di negara ini.

"Saya nasihatkan kepada pemohon itu supaya terus menemui pegawai khas Menteri Pelajaran di Putrajaya dan mengadu masalah itu dengan membawa semua dokumen sokongan kerana pada peringkat ini, hanya kementerian saja yang boleh menyelesaikan kes kelewatan pemohon terbabit," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas laporan Berita Harian mengenai kegagalan seorang graduan pendidikan USM yang masih gagal mendapat penempatan sebagai guru, walaupun menamatkan pengajian sejak 10 tahun lalu.

Johari Abdullah, 44, yang memperoleh Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dengan kepujian dalam bidang Sains Politik daripada USM pada 1998 sebelum memperoleh Diploma Pendidikan setahun kemudian, sehingga kini belum mendapat penempatan sebagai guru ketika semua rakan-rakannya tiada sebarang masalah mendapat penempatan,

Menurut Johari, sepanjang 10 tahun menunggu penempatan sebagai guru, beliau sudah lebih 20 kali berulang alik ke kementerian dari pejabatnya di Pusat Bandar Damansara sehingga berpindah ke Putrajaya, namun tiada hasil dan tidak diberi sebarang jawapan terhadap kegagalan mendapat penempatan itu.

Justeru itu, Lok menasihatkan supaya Johari bertemu dengan wakil NUTP Kelantan untuk mendapatkan khidmat nasihat, sambil meneruskan rayuan kepada kementerian.

"Saya hairan kenapa baru sekarang selepas 10 tahun, baru beliau membuat aduan dalam akhbar, sepatutnya dia berbuat demikian ketika gagal mendapat penempatan pada tahun pertama atau selewat-lewatnya tahun kedua selepas tamat pengajian," katanya.